

**Sokong Siapa Sahaja Calon Pilihan BN, Kata MB Perlis
Bernama
31 Disember, 2011**

KANGAR, 31 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Dr Md Isa Sabu mahu anggota komponen Barisan Nasional (BN) memberi sokongan kepada siapa sahaja yang dipilih sebagai calon BN pada pilihan raya umum ke-13 akan datang.

Md Isa yang juga Pengerusi BN negeri berkata apa yang penting ialah kemenangan parti dan bukannya calon yang bertanding.

Katanya sekiranya anggota BN bersatu dan bekerja keras, beliau yakin BN negeri mampu menawan semula kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanglang dan DUN Simpang Empat pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis perjumpaan dengan kakitangan Unit Pembangunan Insan (UPI), Pejabat Menteri Besar Perlis di sini hari ini.

Pada majlis itu, Menteri Besar turut menyampaikan sijil kepada kakitangan UPI yang menghadiri Kursus Bina Bangsa dan Negara di Taman Negeri Wang Kelian dekat sini baru-baru ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637499>